

PELITA



BRUNEI

Tahun 1. No. 20

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
DUA KERAJAAN BRUNEI KALI SABULAN

1 DECEMBER, 1956.

"SELAMAT TINGGAL BRUNEI" - D.C. WHITE

YANG BERHORMAT Mr. D.C. White, bekas Resident Sibu, Bahagian Yang Ketiga, Negeri Sarawak yang telah memangku jawatan sebagai British Resident Brunei pada masa perchutian panjang British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert samenjak bulan June yang lalu telah berangkat ka Sibu dengan kapal terbang Sharikat Malayan Airways dari Padang Kapal Terbang Brunei pada pukol 10.30 pagi hari Juma'at 7 December.

Dalam satu perutusan yang rasmi menerusi PELITA BRUNEI, Mr. White telah menguchapkan Selamat Tinggal kepada kesemua penduduk2, kaki-tangan2 Kerajaan, dan rakan2 beliau diNegeri ini.

"Sunggoh pun dalam sedikit masa saya berada diBrunei" katanya, "tetapi saya sangat tertarek hati diatas se-gala perubahan yang sudah berlaku.

"Peluang2 yang besar pada hari yang sudah2, sedang terbuka kapada budak2 lelaki dan perempuan diNegeri Brunei kerana mempelajari pelajaran yang tinggi saya perchaya pada masa yang akan datang segala jawatan2 yang tertinggi diNegeri ini akan dipenuhi oleh anak2 Negerinya sendiri.

"Diatas ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan patoh kapada Ugama, adalah satu Chogan yang menunjukkan bahawa Brunei akan menjadi s a t u Negeri yang aman dan ma'mur kelak".

Mr. White telah dira'ikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin diIstana Darul Hana; dan oleh Pegawai2 Kerajaan serta orang ramai diBrunei Sports Club; dan juga dibeberapa Majlis yang lain sabelum beliau berangkat ka Sibu.

Sementara itu, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert telah tiba diBrunei pada 4 December satelah menyampurnakan chuti panjangnya diUnited Kingdom. Mem Gilbert telah tidak datang bersama. tetapi beliau dijangka akan datang ka Brunei pada awal tahun hadapan.

Satu perhimpunan yang ramai termasok Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Setia Usaha Sulit kabawah Duli Yang Maha Mulia Sultan; Pegawai2 Tinggi Kerajaan; beberapa orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan lain-lainnya telah menguchapkan Selamat Jalan kapada Mr. White diPadang Kapal Terbang Brunei, sabelum beliau berangkat ka Sibu. Begitu juga Mr. White telah menguchapkan "Selamat tinggal dan harap berjumpa lagi" kapada para penghantar tersebut.

Mr. D.C. White telah selamat tiba diSibu pada pukol 12.25 tengah hari 7 December, 1956.

PENGARAH PERTUKARAN WANG LUAR NEGERI

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah melantek Penyimpan Wang Negeri sebagai Pengarah Pertukaran Wang Luar Negeri; dan Juga Penolong Penyimpan Wang Negeri sebagai Penolong Pengarah Pertukaran Wang.

Lantekan2 tersebut telah dibuat dibawah Undang2 Pertukaran Wang, 1956. Duli Yang Maha Mulia Sultan juga telah memberi kuasa kapada Penolong Pengarah Pertukaran Wang menggunakan segala pekerjaan2 dan kuasa2 Pengarah itu yang terkandong dibawah Undang2 tersebut.

LAWATAN PEGAWAI PENERANGAN HONGKONG KA BRUNEI

Mr. Leslie Smith, Pegawai Penerangan United Kingdom diHongkong telah tiba diBrunei pada hari Ithnin 27 November yang lalu dalam satu lawatannya yang singkat ka Negeri ini.

Mr. Smith telah melawat Kuching, Sarawak terlebih dahulu dan sabelum tiba diBrunei, beliau telah melawat ka Jesselton, Borneo Utara dimana beliau telah berada selama beberapa hari. Beliau juga telah menghadziri Persidangan Pegawai2 Penerangan diSingapura pada awal bulan November yang lalu.

Pada masa berada diBrunei, Mr. Leslie Smith telah berangkat ka Istana Darul Hana menemui Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan juga mengadakan perundingan dengan bekas Pemangku British Resident, Yang Berhormat Mr. D.C. White.

Beliau tersangatlah gemar melihat pekerjaan pertukangan perak dalam satu lawatannya ka tempat membuat barang2 perak itu di-Kampong Sungei Kedayan diKampong Ayer, Brunei.

Mr. Smith telah berangkat ka Hongkong pada petang hari Rabu 28 November dengan kapal terbang melalui Labuan.

JAWATAN KUASA MENYELIDIKI MASA'ELAH RUMAH2 KERAJAAN

Yang Berhormat British Resident telah melantek lima orang sebagai Ahli2 Jawatan Kuasa bagi menyelidiki masa'elah peruntukan rumah2 kediaman Pegawai2 Kerajaan baharu2 ini.

Sebab pun yang Jawatan Kuasa itu telah dibentok ialah berhubung dengan perkara perbaikan gaji2 kaki-tangan2 Kerajaan Brunei.

Jawatan Kuasa itu adalah mengandungi Penyimpan Wang Negeri sebagai Pengurusi; manakala Ahli2nya ialah Penolong Resident; Inche Hamidon bin Awang Damit; Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; dan Mr. Howe Soo Beng.

CONSUL NEGERI BURMA YANG BAHRU BAGI NEGERI BRUNEI

Menurut satu Ma'lumat yang rasmi, Kerajaan Negeri Burma telah melantek U. Kyaw sebagai Consul Burma yang baharu diSingapura dengan mempunyai ta'luk kuasa2nya termasuk Negeri Brunei.

CHUTI BERANAK KAPADA KAKI-TANGAN2 PEREMPUAN
KERAJAAN BRUNEI

Orang2 perempuan yang bekerja tetap dalam Kerajaan Brunei bolehlah pada masa ini mendapat chuti beranak sahingga delapan minggu dengan mendapat gaji penoh, dengan sharat vahawa sasa-orang perempuan itu telah berkhidmat tidak kurang daripada 180 hari. Demikian dinyatakan dalam satu Ma'lumat yang diterbitkan oleh Kerajaan kapada kaki-tangan2 perempuan.

Sakiranya sasaorang pekerja itu belumlah lagi menyampurnakan perkhidmatannya selama 90 hari, ia hanya akan diberi saparoh daripada gajinya.

Perchutian itu akan diberi mulai daripada masa sabelum pekerja itu melahirkan anaknya hingga ka masa anaknya itu dilahirkan, sebagaimana yang diperentahkan oleh sasaorang Pegawai Perubatan Kerajaan.

Salain daripada itu, jikalau Pegawai Perubatan Kerajaan itu berpuas-hati bahawa chuti tambahan perlu diberi kapada sasa-orang pekerja perempuan yang melahirkan anaknya, ia boleh mendapat chuti beranak selama empat minggu lagi dengan diberi saparoh daripada gajinya.

Berkenaan dengan pekerja2 perempuan yang tidak termasuk dalam perkhidmatan tetap Kerajaan Brunei, mereka juga boleh berhak mendapat chuti beranak sama sebagaimana yang terkandong dibawah Peratoran Burch (atau Faedah2 Ka-ibuan), tahun 1955.

Dibawah Peratoran ini, sasaorang pekerja perempuan tersebut hanya boleh diberi chuti sademikian sakiranya ia tinggal disabuah tempat dan menerima pengubatan sebagaimana yang diperentahkan oleh sasaorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk sapanjang masa chutinya itu.

Pekerja2 perempuan Kerajaan Brunei adalah dima'lomkan bahawa chuti beranak sebagaimana tersebut tidak akan dipotong dari hak2 pendapatan chuti pada tiap-tiap tahun, tetapi adalah lazimnya dipotong daripada sebarang baki chuti pekerja itu pada masa dibenarkan chuti beranak kapadanya.

KEBENARAN MENYEMBELEH BINATANG2

Orang ramai adalah diperingatkan bahawa mulai daripada 1 January, 1957, segala binatang2 yang hendak disembeleh didalam Negeri Brunei untuk dimakan, hendaklah dipereksa terlebih dahulu oleh saorang Pegawai dari Pejabat Pertanian.

Permintaan2 untuk kebenaran membawa masok binatang2 kadalam Negeri ini hendaklah diambil daripada Pegawai Pertanian Negeri ini.

HARGA2 BUAH ENGKABANG DAN LADA DIBRUNEI

Penguasa Pejabat Customs Negeri Brunei telah menetapkan harga2 Buah Engkabang dan Lada untuk kegunaan mengutip chukai mulai dari pada 3 December, 1956 seperti berikut:

Buah2 Engkabang \$ 30.75 pada sapikul; Lada Puteh \$ 102.30 pada sapikul dan Lada Hitam \$ 75.64 pada sapikul.

4

LAWATAN INSPECTOR DAN ANGGOTA2 PEJABAT TIMBANG MENIMBANG
KA SELUROH BRUNEI

Adalah difahamkan bahawa saorang Inspector Pejabat Timbang Menimbang dan tiga orang anggota2 dari Pejabatnya akan melawat ka kawasan2 diseluruh Negeri Brunei pada awal tahun hadapan untuk mereksa segala alat2 penimbang.

Kesemua saudagar2 dan lain2 orang yang mempunyai alat2 penimbang dan sukatan adalah dipinta menunjukkan alat2 itu kapada Inspector tersebut pada masa lawatannya ka kawasan mereka untuk dipereksa oleh Inspector itu.

Dengan ini, diperingatkan kepada orang ramai bahawa sebarang orang yang tidak mengikut kepada perentah ini akan dida'wa dibawah fasal 12 (2) dari Undang2 Timbang dan Sukatan (bab 69).

Lawatan tersebut akan dijalankan mulai daripada 2 January, 1957 hingga ka 28 March, 1957 saperti berikut:

2 January, 1957: Bandar Brunei; 7 February: Muara, Serasa dan Batu Marang; 11 February: Baru-Baru, Berbunot dan Batu Apoi; 12 February: Temburong Lama, Biang Estate dan Belaban; 13 February: Bangar termasok Pendaruan; 14 February: Labu Rstate Company; 16 February: Balek ka Bandar Brunei; 18 February: Sengkurong dan Tutong; 21 February: Balek ka Bandar Brunei; 4 March: Belait; 5 March: Kuala Belait; 6 March:Labi; 9 March: Bukit Sawat; 10 March: Badas dan Sawmill; 11 March: Balek ka Kuala Belait; 12 March: Kuala Belait (diBalai Police); 19 March: Seria (diPejabat Kerajaan); 20 March: Seria dan balek ka Brunei pada 28 March.

INSPECTOR2 BAHAGIAN KEMALANGAN PENERBANGAN AWAM

Pengarah Penerbangan Awam untuk Kawasan2 Borneo British, Mr. R.L. Hilton, telah melantek tiga orang Inspector2 bahagian Kemalangan, dibawah Peratoran2 Penerbangan Awam (Penyiasatan Kemalangan2), 1953, termasok dirinya sebagai Ketua Inspector.

Dua orang lagi Inspector2 yang dilantek itu ialah: Mr. L. Holliday dan Mr. J.E. Seal.

WAKIL PEMUNGUT HASIL PENDAPATAN BRUNEI

DIUNITED KINGDOM

Adalah diumomkan untuk pengatahuan ramai bahawa Mr. J.A. Hill, tidaklah lagi menjadi Wakil Pemungut Hasil Pendapatan ("Collector of Income Tax") Negeri Brunei diUnited Kingdom mulai dari pada 1 November, 1956.

Dengan menggunakan kuatkuasanya, British Resident telah melantek Pegawai Rasmi diPejabat Hasil Pendapatan, Jajahan Ta'luk diLondon, mengantikan jawatan Mr. Hill itu.



PENOLONG PESUROH JAYA PENGAKAP LABUAN DIBRUNEI

Inche' Ibrahim bin Haji Ismail, Penolong Pesuruh Jaya Pengakap, Daerah Labuan telah melawat ka Pejabat Penerangan Kerajaan di Bandar Brunei pada hari Khamis 22 November yang lalu, dalam mana

beliau telah berkenalan ..

pari England:

along2 Guru2 Sekolah Inggeris dari Persekutuan Tanah Melayu yang telah mendapat latehan Guru2 diKirkby, England yang pada masa ini sedang mengajar di Sekolah2 diBrunei. Dari kiri ka kanan: Inche' Hashim bin Thani, Inche' Mustafa Haji Tahir, Raja Ahmad bin Raja Harun, dan Inche' Zainal Arshad bin Zainal Abidin.




Ka England

Inche' Sunni bin Idris (kiri) Pemangku Guru Bahasa Inggeris diSultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei; dan Inche' Mohamed Jamil bin Omar (Penyeli Kebun2 Sekolah Melayu, Brunei yang telah berangkat ka England sadikit hari dahulu. Inche' Sunni sedang mengambil kursus selama 2 tahun diMaktab Latehan Guru2 diKirkby untuk mendapat tau liah Guru Bahasa Inggeris dari Kementerian Pelajaran; manakala Inche' Mohamed Jamil pula sedan

mempelajari kursus Hal Ehwal mengenai Luar Bandar diCity of Worcester Training College selama satahun.

PESUROH JAYA TINGGI DIBRUNEI

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell telah tiba diBrunei dari Kuching pada 13 November, 1956 dalam satu lawatannya yang rasmi dan telah berangkat balek ka Kuching pada 19 November. Gambar ini menunjukkan Sir Anthony Abell sedang memeriksa Pasukan Kehormatan Police Bandar Brunei pada pagi 14 November sabelum Tuan Yang Terutama itu melawat ka Pejabat British Resident. Disebelah Sir Anthony Abell ialah Chief Police Officer, Brunei Mr. A.N. Outram; dan O.C.P.D. Brunei A.S.P. Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid. Semasa berada disini, diantaranya, Tuan Yang Terutama itu telah mengadakan Perundingan2 dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan, serta juga dengan Pegawai2 Tinggi Kerajaan; melawat ka tempat2 pembinaan yang mustahak dibawah Ranchangan2 Perkembangan Negeri; mengadakan lawatan ka Tutong keran menyaksikan kemajuan pembinaan jalan raya; dan melawat ka Temburong bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan.



dengan Pegawai Penerangan Negeri dan lain-lain Anggota diPejabat Penerangan.

Tujuan lawatannya ka Brunei ialah kerana hendak bertemu dengan Pegawai2 Pengakap diNegeri ini dan merundingkan berkenaan dengan Perkhimahan Pengakap2 Anak Serigala ("Wolf Cubs") Seluroh Borneo British yang akan diadakan diSeria tidak berapa lama lagi, dalam mana katanya, Pengakap2 Anak Serigala diLabuan yang pada masa ini berjumlah 12 orang telah dijemput untuk menghadziri Perkhimahan tersebut.

Inche' Ibrahim telah berangkat ka Seria dan ka Kuala Belait pada 23 November dan telah balek ka Labuan pada penghujung bulan yang lalu.

+ 6 ORANG PENGAKAP2 DARI S.O.A.S. COLLEGE BRUNEI -
LULUS DALAM PEPEREKSAAN PINGAT DARJAH PERTAMA

Enam orang Pengakap2 dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei telah lulus dalam Pepereksaan Pingat Darjah Pertama baharu2 ini, satelah mereka berjaya dalam Ujian Berjalan Jauh ("Journey Test") - iaitu ujian yang penghabisan bagi mereka merebutkan Pingat Pengakap Darjah Pertama itu.

Pengakap2 tersebut ialah: Troop Leader Awangku Sharifuddin bin Pengiran Metali; Troop Leader Abdul Jalil bin Marsal; Patrol Leader Sharbini bin Mohamed Taha; Patrol Leader Awangku Ibnu bin Pengiran Apong; Assistant Patrol Leader Suhami bin Awang Besar; dan Penolong Patrol Leader Arpan bin Mohamed.

Sayugia disebutkan bahawa inilah kali yang pertama didalam sejarah Maktab tersebut yang Pengakap2nya telah berjaya menyandang Pingat2 sademikian.

Dengan memperolehi Pingat2 tersebut, maka Pengakap2 itu dapatlah masok bertanding dengan Pengakap2 dari seluroh Negeri ini untuk dipileh bagi mewakili Negeri Brunei ka Perkhimahan Pengakap2 Seluroh Dunia yang akan diadakan diEngland pada tahun hadapan.

Bagaimana pun, hingga ka hari ini, kita belumlah lagi mendapat kabar yang rasmi berapakah bilangan Pengakap2 dari Brunei akan dipileh bagi menghadziri Perkhimahan Pengakap2 tersebut.

LANTEKAN BAHARU PEGAWAI2 KERAJAAN BRUNEI

Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mohamed Yassin, dari Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei telah berkhidmat semula di Pejabat Kerajaan diBandar Brunei sebagai Penolong Pegawai Daerah.

Beliau telah ditukarkan ka Temburong beberapa bulan dahulu untuk memangku jawatan Pegawai Daerah Temburong pada masa Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohamed Salleh berangkat ka Tanah Suchi menunaikan fardzu Haji.

Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohamed Sal-leh pada masa ini telah pun menjalankan perkhidmatannya sebagai Pegawai Daerah Temburong.

Inche' Sunny bin Ahmat, saorang Pegawai Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei yang telah memangku jawatan sebagai Penolong Pengarah Buroh pada masa Pengarah Buroh Mr. D.B. Petherick berchuti panjang, ...

berchuti panjang, telah berhenti memangku jawatan itu mulai daripada 23 November, 1956 dan pada masa ini sedang berkhidmat semula diPejabat Kerajaan diBandar Brunei.

Mr. D.B. Petherick telah mulai memegang jawatannya itu sebagai Pengarah Buroh Negeri Brunei mulai daripada 20 November, 1956.

Mr. Malcolm Glegg telah dilantek memangku jawatan sebagai Pemereksa Kira-kira Negeri, Brunei mulai daripada 27 September, 1956.

Beliau menggantikan Mr. G.T. Dean, yang pada masa ini sedang berkhidmat diMalaya.

PENDAFTARAN PERTUBOHAN2 DIBRUNEI

Pendaftar Pertubohan2 Negeri Brunei, Mr. A.N. Outram, menurut kapada fasal 7 dari Undang2 Pertubohan (bab 66), telah meminta kapada " PARTY GABUNGAN PUTERA PUTERI RAJA2 BRUNEI ", memberi tahu kapadanya sama ada pertubohan itu maseh bergerak lagi atau tidak, dalam masa 3 bulan mulai daripada 26 November, 1956, iaitu tarikh yang Kerajaan Brunei mengeluarkan Ma'lumat berkenaan dengan perentah tersebut.

Pendaftar Pertubohan Negeri telah meluluskan pendaftaran 2 buah lagi pertubohan2, iaitu:

Sharikat Rakyat Melayu Brunei dan Chong Min Association.

LARANGAN MENGGUNAKAN KERETA2 KERAJAAN

Tuan British Resident, dalam satu Ma'lumat kapada Pegawai2 Kerajaan yang diterbitkan pada bulan November yang lalu, telah memberi AMARAN melarang sabarang orang menggunakan kereta2 kepunyaan Kerajaan Brunei dalam perkara yang tidak rasmi.

Ma'lumat itu berbunyi, "Adalah diketahui bahawa banyak daripada kereta2 Land Rover Kerajaan digunakan bagi keperluan2 sendiri, sunggoh pun kebenaran khas belum didapatkan terlebih dahulu daripada Pejabat ini (dimaksudkan Pejabat British Resident), serta tidak membayar sabarang apa pun kepada Kerajaan.

"Perbuatan ini adalah bertentangan dengan peraturan2 Kerajaan dan sudah tentulah juga, kereta2 itu samasa dibawa tidak dilindungi dengan insurance.

"Ketua2 Pejabat adalah diminta supaya memberi AMARAN kepada semua Pegawai2nya bahawa tindakan tata-tertib ("disciplinary action") akan dijalankan terhadap sabarang Pegawai yang didapati menggunakan Land Rover atau lain-lain kenderaan kerana tujuan2 seperti itu dengan tidak mendapat kebenaran daripada saya (iaitu Tuan British Resident) ".

TABONG DERMA KAPADA BALU TIMBANG BIN TAHIR

Persatuan Kesatuan Islam, Brunei telah mengumpulkan wang daripada orang ramai sehingga ka hari ini berjumlah sabanyak \$ 503.70 sebagai bantuan kapada balu Timbang bin Tahir. Allah yarham itu telah meninggal dunia pada malam 8 August tahun ini satelah digigit oleh saekor buaya dikawasan Kampong Ayer Brunei.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No. 19)

Hendaklah Majlis Nadzir yang tunggal bagi wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan itu dan hendaklah memegang semua wang simpanan dan pendapatan2 yang didapati daripadanya sebagai wang simpanan sahaja.

Hendaklah Majlis itu melantekkan satu Jawatan Kuasa yang mengurus pada pentadbiran wang kumpolan itu dan Jawatan Kuasa yang mengurus itu bolehlah ~~tormasok~~ orang2 yang bukan Ahli Majlis dan orang2 yang mendapat fa'edah daripada wang kumpolan itu.

Bolehlah Majlis itu memperniagakan mana2 wang atau pendapatan daripada wang kumpolan itu dalam mana2 perniagaan wang2 pendapatan2 yang menjadikan kumpolan wang pentadbiran 'am dan atau bank2 dan lain2 pekerjaan sebagaimana yang berhabbit dengan wang kumpolan pentadbiran 'am.

Bolehlah Majlis itu mengeluarkan hadiah kepada wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan daripada pendapatan yang menjadi wang kumpolan pentadbiran 'am itu.

Bolehlah Majlis tersebut, dengan diampun oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, bertulis membuat peratoran bagai menjaga:

Pertubohan, perusahaan, pentadbiran dan jagaan wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan itu; pekerjaan Jawatan Kuasa yang mengurus; pekerjaan Mashuarat Ahli2 wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan; kelayakan ahli2 kapada wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan itu; kadar yuran2 simpanan dan sharat2 yang dengannya boleh diterima, dan dibayar; menarik masok mana2 lain kumpolan2 wang atau kumpolan2 yang sademikian itu; perubahan atau pindaan akan peratoran2 yang mengawali wang kumpolan itu; dan menyelesaikan dan menentu wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan itu.

Bolehlah Majlis tersebut memberhentikan dan menutup pentadbiran wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan itu.

Belanja2 bagi mengurus dan mentadbirkan wang kumpolan habuan bekalan kaki-tangan yang demikian itu hendaklah ditanggong banyarannya daripada wang kumpolan itu.

Mana2 Ahli Majlis Ugama dan 'Adat Istiadat Negeri tidaklah akan terkena ganti apa2 kahilangan yang terjadi daripada sebab atau oleh kerana mana2 perniagaan yang dibuat mengikut sharat2 Undang2 ini, atau kerana tidak dipungut atau dihimpon mana2 wang atau pendapatan Majlis dikehualikan kahilangan itu telah terjadi dengan kerana senghaja dibuat atau ditipu olehnya.

Mana2 ahli sebarang Majlis dan orang gajinya, Wakil atau mana2 orang yang membuat pekerjaan dengan kuasa Majlis itu hendaklah dijamin oleh Majlis itu kerana mana2 tuntutan bagi atau berkenaan dengan mana2 perbuatan.

Perkara atau benda yang dibuat dengan suchi atau ditinggal dibuatnya dalam menjalankan kuasa atau agak2 kuasa bagi mana2 hak atau kuasa2 Majlis atau pun ahli2 daripadanya.

Mana2 hukuman yang dijatohkan, yang dibuat atau dilakukan, atau yang diperentah sabelum berjalan kuatkuasanya Undang2 ini oleh Mahkamah Kathi Besar atau Mahkamah Kathi, termasok mana2 perentah yang dibuat berhabbit dengan mana2 hukuman, perentah, atau perbuatan oleh pehak yang berkuasa membicharakan semula, hendaklah disifatkan menjadi dan sentiasa telah menjadi sah dan termasok dalam ta'luk kuasa Mahkamah2 itu atau pehak yang berkuasa membicharakan semula.

Untuk Perhatian Orang2 Islam:=

ADAKAH "REST HOUSE" ITU TEMPAT ORANG RAMAI

ATAU TIDAK ?

Satu perbahathan yang hangat berhubong dengan so' al, "Adakah 'Rest House' itu tempat orang ramai atau tidak" ?, telah berlaku dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei sedikit hari dahulu.

Menurut kapada bab 171 dari Undang2 Majlis Mashuarat Uga-ma, 'Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah2 Kathi, tahun 1955, "Ba-rang siapa didalam mana-mana kedai atau tempat orang ramai membeli apa-apa minuman yang memabokkan, atau minuman yang mengan-dongi apa-apa benda yang diharamkan oleh Ugama Islam akan bersa-lah: Hukoman denda \$ 50; bagi kesalahan yang kedua denda sabanyak \$ 75; atau bagi kesalahan yang ketiga, atau pun berulang2, denda \$ 100.

Mengenai perkara tersebut, Timbalan Penasehat Undang2 Nege-ri Brunei, ketika memberi pendapatnya, menyatakan bahawa pada fikirannya, "Rest House" itu ialah sabuah tempat orang ramai oleh kerana orang ramai boleh, jikalau mereka suka, pergi ka tempat itu dan membeli minuman.

Oleh kerana hal sademikian, sasaorang yang dianggap salah disisi bahagian Undang2 diatas tadi akan ber-salah, jika ia meminum minuman keras di—"Rest House".

Samentara itu, dalam satu Ma'lumat Kerajaan yang ditanda tangan oleh Yang Berhormat Tuan British Resident baru2 ini, pehak Kerajaan telah memberi AMARAN kapada orang ramai bahawa janganlah mereka menyangka yang mereka tidak akan didapati sa-lah sakiranya mereka minum minuman yang memabokkan di—" Rest House" itu.

KUASA2 PEGAWAI2 MASJID MENGENAI KESALAHAN DIBAWAH
UNDANG2 MAJLIS MASHUARAT UGAMA , 'ADAT ISTIADAT
NEGERI, DAN MAHKAMAH2 KATHI

Pada masa sekarang, Pegawai2 Masjid adalah diberi kuasa membuat pengaduan mengenai sebarang kesalahan yang berlaku di-bawah Undang2 Majlis Mashuarat Ugama, 'Adat Istiadat Negeri , dan Mahkamah2 Kathi, tahun 1955.

Peratoran2 mengenai kuasa2 itu telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat Ugama, dan dinamakannya, Peratoran2 Majlis Mashuarat Ugama, 'Adat Istiadat Negeri, dan Mah-kamah2 Kathi (Pegawai Masjid), tahun 1956 dengan memberi kuasa ka-pada sebarang Pegawai Masjid bagi membuat pengaduan atas sebarang kesalahan yang berlaku dibawah Undang2 Hukom Shara'.

Menurut kapada Peratoran2 yang baharu itu, sebarang Pega-wai Masjid yang menyaksikan perbuatan sebarang kesalahan dibawah Undang2 tersebut, atau mereka yang mempunyai keperchaya'an yang bersesuaian bahawa kesalahan itu telah berlaku, akan dengan serta merta memberi tahu mengenai hal itu kapada Pegawai yang mentadbir-kan Mahkamah Kathi Besar, atau Mahkamah Kathi yang mempunyai kuasa keatas kawasan dimana kesalahan itu telah berlaku, atau pun dikatakan telah berlaku.